

05 OCT 2002

Mahathir-HIV (Bergambar)/I

K'JAAN KAJI SEDIAKAN KEMUDAHAN UBAT HIV BAGI PENGHIDAP TERMISKIN

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji semua kemungkinan bagi membolehkan pesakit HIV yang tergolong dalam kelompok termiskin mendapat kemudahan ubat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Ini melibatkan rundingan dengan syarikat-syarikat farmaseutika untuk mengurangkan harga ubat, permohonan hak bagi mewajibkan pelesenan dan pengimportan setara, katanya pada Gala Riben Merah (AIDS) 2002 di sebuah hotel terkemuka di sini.

"Ada orang yang mungkin tidak suka dengan apa yang kita lakukan ini, menyatakan negara ini tidak menghormati hak intelek, tetapi ia perlu dilakukan kerana nyawa manusia lebih penting daripada keuntungan besar bagi syarikat yang sememangnya kaya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana di semua negara membangun, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) saling bekerjasama memperjuangkan dalam isu harga ubat supaya majoriti mereka yang menghidap HIV di dunia mendapat kemudahan rawatan.

Dr Mahathir berkata rawatan bagi mereka yang menghidap HIV/AIDS telah menjadi isu yang semakin serius dan penting kerana terdapat 40 juta orang yang menghidap HIV, kesan penyakit dan kematian mereka ke atas negara-negara pastinya besar.

Beliau berkata tema Kempen AIDS Sedunia tahun ini iaitu "Stigma dan Diskriminasi" adalah penting kerana ia merupakan petunjuk kemanusiaan kerana sikap seumpama itu wujud daripada sikap tidak acuh, bimbang dan penafian.

"Saya telah diberitahu bahawa di Malaysia, sikap ini masih wujud dan mengakibatkan penghidap HIV/ AIDS telah dibuang kerja, bayi yang positif HIV tidak diberikan perlindungan dan mereka yang mendapatkan rawatan diabaikan," katanya.

"Dalam impian kita untuk mewujudkan masyarakat penyayang menjelang 2020, kita perlu menangani sikap negatif sedemikian dan berusaha untuk menerima mereka yang menghidap penyakit itu kerana kemungkinan ada yang dijangkiti penyakit tanpa disengajakan.

"Kita perlu faham bahawa sikap prejudis seumpama itu lebih menyerlahkan siapa diri mereka sebenar daripada mereka yang didiskriminasi," katanya.

Pada majlis itu, isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diberikan penghormatan untuk menyampaikan Anugerah Dr Siti Hasmah kepada Michael Chow, seorang aktivis sosial, bagi sumbangan beliau terhadap AIDS di Malaysia.

-- BERNAMA

SOP LES RHM